



NOTIS TENDER

PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI IPOH CARGO TERMINAL SDN BHD, JALAN ST. JOHN, 30200 IPOH, PERAK

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, Lesen KDN, PPKKM yang masih sah untuk menyertai tender berikut:

No. Tender	Tajuk Tender	KOD BIDANG	Sesi Taklimat & Lawatan Tapak
ICT/3/2023	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Ipoh Cargo Terminal Sdn Bhd	220801 (Kawalan Keselamatan)	Tarikh : 23 Oktober 2023, Isnin Masa : 10.00 a.m Tempat : Ipoh Cargo Terminal, Jalan St. John, 30200 Ipoh, Perak

Syarikat-syarikat yang berminat adalah **diwajibkan** untuk menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak serta membawa dokumen-dokumen asal syarikat seperti Pendaftaran Syarikat, Lesen Kewangan serta surat perlantikan wakil sekiranya pembelian dokumen tender terdiri daripada wakil syarikat.

Dokumen tender boleh dibeli di Pejabat Pentadbiran Ipoh Cargo Terminal Sdn Bhd, Jalan St John, 30200 Ipoh, Perak bermula pada 23hb Oktober 2023 dalam bentuk **tunai** berharga **RM200.00** (bayaran tidak dikembalikan).

Tawaran Tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterai dan bertulis **"PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN"** dan di alamatkan kepada;

**PEJABAT KEWANGAN & PENTADBIRAN
IPOH CARGO TERMINAL SDN BHD
(204706-X)
JALAN ST.JOHN 30200 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN**

dan dimasukkan ke dalam peti tender yang telah disediakan. **Tarikh tutup penyerahan tender ialah pada jam 12.00 tengahari, 6hb November 2023 (Isnin).**

Ipoh Cargo Terminal Sdn Bhd tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tender yang terendah atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender. Keputusan tender ini adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.

Sila hubungi pihak Ipoh Cargo Terminal Sdn Bhd di talian 05-5272415 (Pn. Nesa / Pn Zarith) untuk maklumat lanjut.